

# PROGRAM KLINIK SUKAN DAN SUMMER CAMP PANGKALAN UDARA SUBANG 2017

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2770-program-klinik-sukan-dan-summer-camp-pangkalan-udara-subang-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2770-program-klinik-sukan-dan-summer-camp-pangkalan-udara-subang-2017)

SUBANG, 8 Dis 17 - Cawang Tadbir Pangkalan Udara Subang telah menganjurkan Klinik Sukan dan Program Summer Camp Pangkalan Udara Subang Tahun 2017 pada 5 Dis hingga 10 Dis 2017 melibatkan anak-anak pegawai dan anggota LLP di Pangkalan Udara Subang.

Antara objektif penganjuran aktiviti ini adalah untuk memupuk budaya bersukan dari akar umbi disamping mencungkil bakat sukan yang ada pada diri anak-anak di Pangkalan Udara Subang. Program ini juga dapat memberi pendedahan berkenaan pengurusan masa kepada setiap peserta agar menjadi lebih berdikari dalam aspek pengurusan dan pembahagian masa seharian, selain membentuk disiplin diri dan perwatakan positif peserta menerusi aktiviti yang menguji ketahanan mental dan fizikal.

Bagi klinik sukan, terdapat dua acara sukan yang telah didedahkan kepada peserta iaitu memanah dan berenang. Klinik ini mengambil masa selama 3 hari bermula 5 Dis sehingga 7 Dis 17 yang melibatkan 36 orang peserta. Semua jurulatih yang terlibat adalah daripada Persatuan Memanah TUDM dan anggota-anggota Pangkalan Udara Subang sendiri.

Sementara itu bagi program summer camp pula melibatkan 27 orang peserta yang bermula pada 8 Dis sehingga 10 Dis 17. Antara modul pembelajaran dalam program summer camp ini ialah kelas memasang khemah, memasak rangsum tempur, aktiviti dalam kumpulan (ADK), membina rak buluh, kelas pertolongan cemas, kelas memadam kebakaran, berkayak dan lain-lain lagi.

Majlis Penutup Program Summer Camp PU Subang tahun 2017 ini telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan Udara Subang, YBhg Brig Jen Dato' Shamsudin bin Kassim TUDM.



